

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SRI HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI
PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN
JASAMU DIKENANG 2018**

TARIKH : 27 MAC 2018 (SELASA)

MASA : 10.05 PAGI

**TEMPAT : DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF
JABATAN PEGUAM NEGARA
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmannirrahim.

Yang Mulia Datuk Engku Nor Faizah Engku Atek,
Peguam Cara Negara;

Yang Berbahagia Datin Paduka Zauyah Be T. Loth Khan,
Peguam Cara Negara II;

Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab Omar,
Ketua Bahagian Penasihat;

dan

Yang Berusaha Dr. Arik Sanusi Yeop Johari,
Ketua Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang
merangkap Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Jasamu
Dikenang 2018;

Ketua-Ketua Bahagian;

Ahli-Ahli Majlis Pakar Pelbagai Disiplin dan Pakar Penasihat;

Timbalan-Timbalan Ketua Bahagian;

Penasihat-Penasihat Undang-Undang Negeri;

Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018, Para Pesara dan penerima-penerima Surat Penghargaan 2018 yang diraikan;

Datuk-Datuk, Datin-Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

1. Terlebih dahulu marilah kita mengatur syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala (SWT) kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Dan Jasamu Dikenang
Jabatan Peguam Negara tahun 2018.

2. Terima kasih saya ucapkan kepada Bahagian Penasihat dan Bahagian Syariah dan Pengharmonian Undang-Undang selaku Jawatankuasa Penganjur yang telah bertungkus-lumus untuk menganjurkan Majlis ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. *“Permata AGC: Khidmatmu Dijulang Budimu Disanjung”*.
Begitulah tema Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (“APC”) kita pada tahun ini. Tema ini pada saya cukup tepat bagi menzahirkan rasa terima kasih dan penghargaan Jabatan ini kepada para pegawai dan kakitangan atas khidmat cemerlang dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi yang telah ditunjukkan sepanjang tempoh 2017. Maka, lantaran itulah, tuan-tuan dan puan-puan yang kita raikan pada pagi ini yang berada di hadapan saya adalah permata-permata AGC.

4. Saya difahamkan pada tahun ini, seramai 130 orang warga AGC daripada pelbagai gred, sama ada yang bertugas di ibu pejabat mahupun di cawangan negeri-negeri telah dipilih sebagai penerima APC. Manakala, seramai 217 warga AGC pula telah dipilih sebagai penerima Surat Penghargaan AGC. Syabas dan setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan.

5. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, APC adalah merupakan antara medium pengiktirafan yang diberikan oleh Jabatan kepada warganya yang telah berkhidmat dengan penuh cemerlang. Pemilihan calon untuk menerima APC serta Sijil Penghargaan bukanlah suatu tugas yang mudah. Para calon APC dan Sijil Penghargaan hendaklah bukan sahaja terdiri daripada mereka yang memperoleh markah LNPT yang tinggi, malah memiliki *work attitude* yang baik serta sahsiah yang terpuji. *These are the AGC's creme de la creme for the year 2017.*

6. Justeru, saya juga berharap agar anugerah ini dapat dilihat sebagai pembakar semangat kepada semua warga AGC yang lain untuk mereka memangkin kecemerlangan dalam pelbagai aspek sama ada dalam penjalanan tugas harian mahupun sahshiah, sekaligus mewujudkan satu persekitaran persaingan yang positif di Jabatan Peguam Negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Landskap perkhidmatan awam pada hari ini adalah amat-amat kompetitif. Tidak dapat tidak, seseorang penjawat awam perlu bukan sahaja menjadi yang terbaik antara yang terbaik, tetapi mampu menjadi mentor kepada pegawai-pegawai yang lain.

8. Sebagai Ketua Jabatan, saya melihat setiap seorang pegawai dan kakitangan AGC mempunyai potensi untuk menyumbang ke arah kecemerlangan AGC. *No one should sell themselves short. Each and everyone of us can be that*

glimmers of inspiration. So don't be just a rock when you really are a gem. Kebolehan pegawai dan kakitangan AGC hendaklah sentiasa dibentuk dan digilap supaya terus bersinar serta kompetensi mereka terus ditingkatkan untuk menjamin kecemerlangan organisasi.

9. *A gem cannot be polished without friction, nor man perfected without trials.*¹ Seperti juga sebutir permata, seseorang pegawai dan kakitangan perlulah mempunyai *mental-faculty* yang kental untuk menghadapi apa jua bentuk cabaran serta tekanan walau dalam apa keadaan sekalipun. Oleh itu, walau sebesar mana pun cabaran atau tekanan yang dihadapi, setiap daripada kita perlu berdiri teguh dan tidak mudah menyerah kalah. *If you got knock down, pick yourself up, dust yourself off, and try again. "[The] greatest glory is not in never falling, but in rising every time we fall."*² *That is how excellence is achieved.*

¹ Lucius Annaeus Seneca; https://www.brainyquote.com/quotes/lucius_annaeus_seneca_162971

² Confucious; <https://www.forbes.com/quotes/1913/>

Hadirin yang saya hormati sekalian,

10. Pepatah Melayu ada menyebut “*Tiada Yang Lama, Tiadalah Yang Baharu*”. Dalam kita meraikan kecemerlangan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kita, kita juga berasa sedih kerana terpaksa mengucapkan salam perpisahan kepada 25 orang warga AGC yang telah dan akan bersara daripada perkhidmatan pada tahun ini.

11. Kepada semua pesara AGC, bagi pihak seluruh warga AGC, izinkan saya untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala jasa, pengorbanan dan khidmat bakti tuan-tuan dan puan-puan kepada AGC khususnya, dan negara amnya. Selamat menikmati alam persaraan dan semoga tuan-tuan dan puan-puan sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik, Insya-Allah.

12. Kepada Yang Arif Dato’ Mohd Radzi Harun, Yang Arif Dato’ Hajah Aliza Sulaiman dan Yang Arif Datuk Meor Hashimi

Abdul Hamid yang bersara kerana dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman, syabas dan tahniah saya ucapkan. Sesungguhnya pelantikan ini adalah titik permulaan kepada suatu amanah dan tanggungjawab yang jauh lebih besar, yang akan menuntut lebih banyak pengorbanan, komitmen, keikhlasan dan kemantapan integriti serta ilmu perundangan yang telah tuan/puan perolehi. *I can vouch for this as I was myself a judge for more than 12 years.* Insya-Allah, dengan pengalaman dan ilmu yang telah Yang Arif-Yang Arif perolehi sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan perundangan ini, saya pasti amanah ini mampu Yang Arif-Yang Arif laksanakan dengan jayanya.

Hadirin yang dihormati dan dikasihi sekalian,

13. Akhir kata, sekalung tahniah saya ucapkan sekali lagi kepada penerima APC dan Surat Penghargaan atas kecemerlangan yang telah ditunjukkan. Saya amat-amat berharap agar budaya dan momentum kecemerlangan yang

telah tuan-tuan dan puan-puan kecapi ini akan diteruskan dari semasa ke semasa.

14. Bertepatan juga dengan seruan Kerajaan supaya menjadikan tahun 2018 sebagai *“the year of success and the year of impressive result”*, saya menyeru kepada seluruh warga AGC agar menjadikan kecemerlangan rakan-rakan seperjuangan tuan-tuan dan puan-puan sebagai pembakar semangat dalam meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan pada tahun ini dan juga tahun-tahun mendatang.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.